

05 JUN 2000

Mahkamah-Anwar/I

MAHKAMAH TOLAK RAYUAN ANWAR MENGENAI KETERANGAN PM

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Mahkamah Rayuan hari ini menolak rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap keputusan Mahkamah Tinggi untuk tidak memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi pada perbicaraan liwat beliau.

Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Lamin Yunus membuat keputusan itu setelah membenarkan bantahan awal yang dibangkitkan oleh Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah, yang mengetuai pasukan pendakwaan, mengenai rayuan itu.

Lamin, yang bersidang bersama-sama Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Denis Ong, juga mengarahkan supaya perbicaraan kes liwat Anwar di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Arifin Jaka, diteruskan.

Bagaimanapun tiada ketetapan dibuat mengenai tarikh perbicaraan itu.

Selepas mahkamah menyampaikan keputusannya, peguam utama Anwar, Christopher Fernando memberitahu pemberita bahawa pihak pembelaan akan merayu kepada Mahkamah Persekutuan dan notis rayuan akan difailkan secepat mungkin.

Perbicaraan kes liwat itu telah ditangguhkan oleh hakim Arifin sementara menunggu rayuan diselesaikan.

Hakim Arifin telah memutuskan bahawa untuk memanggil Dr Mahathir memberi keterangan pada perbicaraan itu akan merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah dan menjadi tanggungjawab beliau untuk mengelakkan perkara seumpama itu daripada berlaku.

Hakim itu juga berpendapat bahawa tidak ada sedikitpun keterangan untuk menunjukkan bahawa Dr Mahathir terlibat dalam mereka-reka keterangan dalam apa yang didakwa sebagai pakatan untuk menjatuhkan Anwar.

Anwar, 52, dibicarakan bersama-sama adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 39, terhadap tuduhan berasingan meliwat Azizan Abu Bakar di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar, di sini pada satu malam pukul 7.45 antara Januari dan Mac, 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, menghadapi satu lagi tuduhan iaitu bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan, 39, pada masa dan di tempat yang sama.

Anwar dan Sukma telah memohon kepada mahkamah supaya Dr Mahathir dipanggil sebagai saksi atas sifat peribadinya.

Anwar, bekas timbalan perdana menteri, sedang menjalani hukuman penjara enam tahun setelah didapati bersalah terhadap empat tuduhan rasuah kerana campur tangan dalam siasatan polis terhadap dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Anwar, juga bekas menteri kewangan, dipecat daripada Kabinet pada 2 Sept 1998.

Terdahulu, Mohtar berhujah bahawa rayuan tidak boleh dibuat terhadap keputusan hakim Arifin mengenai keterangan Dr Mahathir kerana keputusan itu bukan sesuatu yang muktamad dan ia masih boleh dikaji semula pada peringkat akhir perbicaraan.

Peguam Negara berkata oleh itu Mahkamah Rayuan hendaklah menolak rayuan itu kerana ia hanya menjejaskan penerusan perbicaraan kes liwat itu. Mahkamah itu hendaklah mengarahkan mahkamah tinggi supaya meneruskan perbicaraannya.

Sementara itu seorang daripada peguam Anwar, Karpal Singh berkata soal menjejaskan penerusan perbicaraan itu tidak timbul kerana mereka hanya hendak mendapatkan hak untuk memanggil saksi-saksi untuk pembelaannya.

Peguam Gobind Singh Deo yang mewakili Sukma, bersetuju dengan Karpal.

Mohtar, dalam jawapannya berkata soal memanggil saksi bukan suatu perkara hak, baik bagi pihak pembelaan mahupun pendakwaan, tetapi ia

tertakluk kepada peraturan dalam Akta Keterangan.

-- BERNAMA

SBB AHH NMO